

Merangsang Kemahiran Komunikasi Pelajar Melalui Kaedah Didik Hibur

Azizah Abdul Rahim

azizah_adbul_rahim@moe.edu.sg

Fazillah Mohamed Ismail

fazillah_mohd_ismail@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Ping Yi

Abstrak

Dasawarsa ini, penggunaan alat-alat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah menekankan satu trend dalam membawa teknologi ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Beberapa kajian dan laporan telah menunjukkan kesan positif daripada penggunaan ICT di dalam kelas pada hasil pembelajaran dan pencapaian pelajar. Selain itu, penggunaan ICT yang lebih meluas dapat menggalakkan pembelajaran berarah sendiri dan melatih pelajar menjadi lebih berdikari. Bahkan, hal ini merupakan kemahiran yang diperlukan pada masa hadapan. Kertas kerja ini akan membentangkan pendekatan didik hibur sebagai satu kaedah alternatif pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan bagi para pelajar. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa didik hibur merupakan salah satu kaedah yang sangat efektif untuk merangsang para pelajar dalam mempelajari bahasa dan budaya Melayu dan melahirkan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: berarah sendiri, didik hibur, pemikiran kreatif dan kritis



PENGENALAN

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, kita menyaksikan satu anjakan paradigma dalam teori-teori pembelajaran bahasa daripada pendekatan behaviorisme kepada pendekatan komunikatif, konteks dan membina. Penekanan yang lebih besar diletakkan terhadap penggunaan bahasa dalam situasi yang autentik. Penggunaan alat-alat ICT telah menekankan satu trend dalam membawa teknologi ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah, satu anjakan daripada bentuk pembelajaran yang berpusatkan guru kepada bentuk pembelajaran yang berpusatkan pelajar serta mengubah pelajar daripada penerima pengetahuan yang pasif kepada pembina pengetahuan aktif.

Berdasarkan 2010 Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda, seseorang guru itu haruslah memanfaatkan kebiasaan dan kekerapan penggunaan komputer dalam kalangan pelajar bagi pembelajaran Bahasa Ibunda. Tinjauan 2010 mendapati bahawa para pelajar bijak komputer dan minat menggunakan ICT untuk mempelajari Bahasa Ibunda. Hal ini disebabkan ICT membuka peluang-peluang baharu seperti penggunaan kandungan yang interaktif, tugas individu, dan penyediaan pelbagai bahan dan aktiviti untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar. Tambahan pula, ICT boleh membantu guru untuk membimbing semua pelajar.

Berdasarkan Laporan Badan Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB), calon-calon yang menduduki Peperiksaan Nasional di Peringkat Normal memaparkan beberapa kelemahan yang menonjol seperti, calon lemah memahami kehendak soalan karangan dan ini telah menjejaskan isi karangan mereka. Ada sebahagian pula tidak dapat memberikan huraian yang baik dalam karangan ekspositori, calon tidak berupaya melahirkan pandangan yang kritis dengan menggunakan Bahasa Melayu (BM) yang baik dalam karangan ekspositori dan semasa peperiksaan lisan dan calon tidak dapat berbual dengan lancar, tersekat-sekat dalam mengemukakan pendapat dan gagal menerangkan pengalaman serta memberikan penilaian atau gambaran mengenai sesuatu perkara dengan jelas ketika peperiksaan lisan.

Sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan penggunaan BM secara interaktif, inovatif, kreatif dan dengan tahap keyakinan yang



tinggi, jabatan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Ping Yi telah cuba untuk menggunakan kaedah Didik Hibur dengan menggunakan konsep pembelajaran sendiri yang memerlukan pelajar untuk menghasilkan sebuah liputan berita.

TUJUAN KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji:

1. sejauhmanakah penggunaan ICT dapat menyokong untuk membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan memberangsangkan;
2. sama ada ICT membantu dalam mereka bentuk tugas bahasa dan aktiviti yang menggalakkan komunikasi yang berkesan dan bermakna; dan
3. sejauhmanakah pendekatan '*Thinking Routines for Making Thinking Visible*', yakni '*See Think Wonder*' dan '*Circle of Viewpoints*' yang disarankan oleh Harvard's Project Zero dan Ron Ritchhart & David Perkins dapat melahirkan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar didapati menghadapi masalah mengungkapkan pemikiran dan pandangan yang kreatif dengan menggunakan BM dengan berkesan. Para pelajar juga menggambarkan ketidakupayaan mereka untuk melahirkan pandangan yang kritis dengan menggunakan BM yang baik dalam wacana lisan dan tulisan. Para pelajar kurang mengaplikasikan pemikiran kritis dan kreatif dalam bentuk-bentuk lisan dan tulisan mereka dalam pembelajaran BM.

Beberapa kajian telah menekankan manfaat-manfaat ICT kepada pembelajaran dan pencapaian pelajar, pendidik masih tahu sedikit tentang bagaimana penggunaan ICT boleh menyokong keperluan untuk menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, memperkaya dan kondusif. Dalam kajian ini, guru pengkaji meneroka bagaimana ICT memainkan peranan yang penting dalam membawa perubahan kepada pengajaran dan pembelajaran BM di dalam bilik darjah bagi memupuk pembangunan kemahiran abad ke-21 pelajar. Guru pengkaji mengemukakan soalan-soalan



kajian seperti yang berikut: Bagaimanakah penggunaan ICT dapat menyokong untuk membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan memberangsangkan? Adakah ICT membantu dalam mereka bentuk tugas bahasa dan aktiviti yang menggalakkan komunikasi yang berkesan dan bermakna? Kajian lalu mengenai peranan ICT dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan kita untuk mengharapkan beberapa perbezaan dalam data empirikal yang menyokong sifat soalan-soalan kajian.

Justeru, guru pengkaji berhemat bahawa kajian ini relevan, penting dan berguna dalam pengajaran dan pembelajaran BM kerana guru pengkaji ingin mengenal pasti punca masalah dan mencari jalan penyelesaian bagi permasalahan yang diketengahkan. Kajian ini juga dapat membantu guru dalam melakarkan strategi bagi menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif dalam pembelajaran BM. Kajian ini juga sekaligus diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran BM di bilik darjah.

KAJIAN LEPAS

Sangra dan Sanmamed (2010) menggunakan metodologi penyelidikan pelbagai kes-kajian untuk menganalisis apa yang berlaku di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang menyepadukan dan menggunakan ICT serta mengkaji persepsi guru terhadap peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan ICT. Kedua-dua guru pengkaji menggunakan alat-alat seperti temu bual, soal selidik mengenai kecekapan, penggunaan dan sikap yang berkaitan dengan ICT dalam pendidikan, garis panduan dan sumber maklumat lain seperti laporan, pelan strategik dan pelan pengajaran dari sekolah-sekolah yang berbeza dalam kajian mereka di 35 buah sekolah yang dipilih. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa penggunaan ICT di sekolah membantu meningkatkan perhatian dan kemahiran persepsi serta membuat proses pembelajaran pelajar memahami kandungan dengan lebih mudah. Kebanyakan guru yang terlibat dalam kajian ini berpendapat bahawa penggunaan ICT dalam bilik darjah mendatangkan pelbagai manfaat kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Lee, Siew, Cher dan Hwee (2012) menggunakan desain kajian kes kuantitatif untuk meneroka bagaimana ICT telah diintegrasikan dalam



pengajaran Bahasa Inggeris dan Matematik di sekolah rendah dalam konteks Singapura. Seramai 10 orang guru dan 225 orang murid Darjah 4 terlibat dalam kajian ini. Kaedah penyelidikan yang pelbagai seperti kajian dokumen, temu bual individu dengan guru, temu bual kumpulan dengan murid dan soal selidik murid secara sendiri telah digunakan dalam pengumpulan data dan analisis. Dapatan utama kajian ini menggambarkan bahawa kuiz dalam talian membenarkan murid untuk mengukuhkan pembelajaran mereka melalui latihan yang berulang-ulang. Lebih-lebih lagi, penyebaran maklumat dalam talian dan bahan pembelajaran digital membolehkan murid mengakses sumber-sumber pendidikan yang sesuai dan membuat pelajaran lebih menarik dan melibatkan murid. Di samping itu, jurnal dalam talian, refleksi terhadap pembelajaran, pengaturcaraan komputer dan hamparan meningkatkan kemahiran pemerolehan murid dalam Bahasa Inggeris. Bercerita secara digital menggalakkan pembelajaran dan penilaian sendiri dalam pembelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Inggeris menggunakan pelbagai pendekatan pedagogi yang mengintegrasikan ICT dalam pengajaran mereka berbanding dengan guru-guru Matematik. Maka, para guru pengkaji membuat kesimpulan bahawa faktor guru merupakan faktor utama yang menyebabkan perbezaan dalam dapatan kajian mereka.

Carrasco dan Torrecilla (2012) pula menggunakan reka bentuk eksperimen dan reka bentuk korelasi untuk mengkaji kesan akses dan penggunaan komputer pada prestasi akademik murid-murid sekolah gred 6 Latin Amerika dalam mata pelajaran Matematik dan membaca serta mahu menentukan hubungan antara penggunaan komputer oleh guru dan pencapaian akademik murid. Kajian ini melibatkan 16 buah negara, 2969 buah sekolah, 3903 orang guru gred 6 dan 91223 murid-murid gred 6. Guru pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dan ujian standard. Model bertingkat yang menerapkan empat peringkat analisis telah digunakan untuk menganalisis kesan akses dan penggunaan ICT terhadap pencapaian akademik murid. Dapatan kajian memaparkan peningkatan dalam mata pelajaran Matematik dan prestasi membaca dalam kalangan murid yang mempunyai akses komputer di rumah dan juga apabila guru-guru dan murid-murid menggunakan komputer di sekolah-sekolah.

'Thinking Routines Making Thinking Visible' Harvard's Project Zero dan Ron Ritchhart & David Perkins, (2008) mengetengahkan bahawa 'See



Think Wonder dan *Circle of Viewpoints* sebagai alat dan struktur untuk pelajar berfikir serta sebagai corak tingkah laku melalui penggunaan berulang-ulang, dapat membantu pelajar mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka. Selain itu, kaedah ini juga dapat membina keupayaan pelajar berfikir dan belajar sekaligus meningkatkan pembelajaran pelajar melalui pemahaman kandungan yang lebih mendalam. Di samping itu, teknik ini juga dapat membina kecenderungan dan sikap pelajar terhadap keupayaan berfikir serta membina budaya berfikir di dalam kelas.

Secara keseluruhannya, sebagai respons kepada soalan-soalan kajian yang dinyatakan dalam bahagian permasalahan, seakan ada persamaan atau persetujuan pada sifat soalan-soalan kajian yang sedang ditangani. Kajian literatur yang dikaji semula di atas mencadangkan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa boleh menggunakan pelbagai pendekatan pedagogi - belajar daripada ICT dan belajar dengan ICT. Kajian literatur juga menunjukkan bahawa integrasi ICT dalam bilik darjah bergantung kepada faktor individu guru dan konteks sekolah. Dalam mereka bentuk tugas bahasa dan aktiviti untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan bahasa dan kemahiran yang diperlukan untuk komunikasi yang berkesan dan bermakna, guru digalakkan menggunakan situasi dan konteks yang autentik dan juga bahan-bahan asli untuk menyediakan konteks dunia sebenar, memastikan kesesuaian serta membolehkan pelajar-pelajar kita untuk menjadi pelajar yang aktif dan pengguna mahir dalam Bahasa Ibunda.

KAEDAH KAJIAN

Bentuk Kajian

Guru pengkaji menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif untuk menangani soalan kajian yang berbeza supaya pemahaman dan huraian kajian yang lebih lengkap boleh diperolehi. Penyelidik mengumpulkan kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif secara serentak. Kemudian, kedua-dua data digabungkan untuk memahami permasalahan kajian. Penyelidik menganalisis kedua-dua data secara berasingan dan kemudian membandingkan dapatan kajian. Akhir sekali, penyelidik membuat tafsiran jika dapatan kajian menyokong antara satu sama lain.



Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 11 orang pelajar Menengah 4 Normal Akademik. Mereka terdiri daripada para pelajar yang berbeza kemahiran, latar belakang dan stail pembelajaran. Empat daripada mereka mempunyai tahap berbahasa Melayu dan Inggeris yang cemerlang manakala empat lagi mempunyai tahap berbahasa Melayu yang sederhana jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Tiga orang lagi mempunyai tahap berbahasa Melayu yang lebih lemah daripada Bahasa Inggeris. Lima orang pelajar juga pakar dalam ICT terutama dalam bidang penyuntingan dengan menggunakan program-program penyuntingan.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, beberapa instrumen kajian yang telah digunakan adalah seperti yang berikut:

1. tugas pelajar (hasil penulisan skrip pelajar dan produk yang dihasilkan pelajar),
2. temu bual dengan pelajar dan guru BM dalam jabatan,
3. borang refleksi pelajar,
4. borang maklum balas pembelajaran pelajar; dan
5. borang tinjauan ICT mengenai liputan berita yang dihasilkan

Prosedur Kajian

Subjek kajian diberitahu bahawa mereka akan terlibat dalam proses pembelajaran yang menggunakan kaedah didik hibur dan sekaligus memerlukan mereka menghasikan sebuah liputan berita dalam bentuk multimedia selama empat minggu. Mereka juga diberikan penerangan tentang matlamat pembelajaran, bagaimana proses liputan berita ini akan dijalankan serta instrumen-instrumen kajian yang akan digunakan untuk mereka berikan respons. Mereka juga diberitahu agar memberikan respons dengan sejujurnya untuk soalan-soalan yang diajukan.

Matlamat pembelajaran adalah untuk memperbaiki kemahiran lisan dan penulisan pelajar, khususnya kemahiran mewawancara dan menulis skrip. Di samping itu, guru pengkaji juga ingin mempromosi pembelajaran yang autentik



dengan menggunakan penilaian dalam pembelajaran dan menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif dalam pembelajaran BM. Tambahan pula, guru pengkaji juga ingin mendedahkan pelajar pada penghasilan multimedia di samping menggalakkan kerja berkumpulan dan kolaborasi dalam kalangan pelajar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Guru pengkaji menganalisa data kuantitatif dengan menggunakan statistik deskriptif seperti bilangan dan peratusan bagi soalan-soalan tertutup yang terdapat dalam borang maklum balas pembelajaran dan borang tinjauan ICT. Guru pengkaji juga menggunakan prosedur kualitatif untuk menjelaskan dapatan awal kuantitatif. Pertama, guru pengkaji melihat semua respons yang diperolehi dan membaca kesemuanya untuk mendapatkan gambaran keseluruhan data. Kemudian, guru pengkaji mengeluarkan respons yang deskriptif, relevan dan bermakna yang berkaitan dengan soalan-soalan kajian. Selain itu, guru pengkaji juga telah mengenal pasti respons deskriptif yang diberikan lebih daripada seorang subjek kajian ketika memeriksa semua respons yang ditarik keluar dalam proses pengekodan ini. Guru pengkaji berbuat demikian untuk memberikan penerangan yang lebih lanjut dan menyeluruh mengenai peranan ICT dalam pembelajaran BM.

Kekuatan Idea / Konsep / Teori

Pengkaji berjaya menjalankan aktiviti pembelajaran ini kerana kaedah yang diaplikasikan yakni didik hibur bermanfaat kepada para pelajar. Melalui analisis proses pelaksanaan projek liputan berita yang dikendalikan secara bertahap dan maklum balas yang diberikan oleh guru pengkaji serta rakan-rakan sekelas, para pelajar menjadi yakin dan dapat berkomunikasi dengan lebih baik dan kreatif. Selain itu, perbincangan di dalam kelas dan aktiviti mengkritik kerja rakan-rakan sekelas menggalakkan kemahiran berkomunikasi yang lebih baik dan kritikan yang membina. Tambahan pula, soalan-soalan yang diajukan oleh guru pengkaji juga menggalakkan komunikasi daripada memberikan respons, berbincang atau berbahas serta meningkatkan pemikiran secara bebas untuk menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan pelajar.

Selain itu, pelbagai tugas yang diberikan kepada para pelajar



menyediakan pengalaman pembelajaran yang berbeza dengan berbilang kemahiran yang boleh diperolehi. Misalnya, dalam pemilihan tajuk berdasarkan tema, pengkajian topik dan penjanaan idea, para pelajar diberikan kebebasan untuk memilih apa jua topik yang bersesuaian dengan tema dan maklumat-maklumat yang ingin disertakan. Mereka juga diberikan kebebasan untuk memilih program penyuntingan yang ingin digunakan. Mereka juga diberikan pilihan untuk melatih diri mereka dalam pembacaan skrip dan penyuntingan video di luar jadual kelas dan cara mereka mahu menyampaikan hasil video liputan berita sama ada secara dalam talian atau secara fizikal. Justeru, pendekatan ini menyediakan ruang pembelajaran yang autentik.

Sehubungan dengan kekuatan kaedah didik hibur ini, kaedah ini memaksa para pelajar keluar dari zon keselesaan mereka. Mereka juga belajar cara-cara untuk berkolaborasi dengan rakan-rakan daripada pelbagai latar belakang akademik. Lantas, ia merupakan latihan yang baik untuk situasi mana yang mungkin mereka menghadapi di dalam kelas bagi subjek lain. Tugas ini juga membekalkan para pelajar dengan kemahiran menyelidik, yakni mereka perlu mengumpulkan maklumat dan mencari kepastian atau kesahihan maklumat yang diperolehi serta menggunakan pelbagai teknik untuk menyoal, menjelaskan permasalahan dan memproses serta menilai data. Para pelajar juga membuat refleksi terhadap proses yang diambil serta membuat penilaian dan perubahan yang wajar.

Di samping itu, pelajar juga dilengkapi dengan set kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif melalui penerapan ‘*See Think Wonder*’ serta ‘*Circle of Viewpoints*’ dalam aktiviti pembelajaran ini. Pelajar mengendalikan persekitaran, matlamat yang ingin dicapai, tugas, input yang pelbagai dan mengaplikasikan kemahiran-kemahiran dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

Kekuatan Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan daripada analisis data melalui borang maklum balas pembelajaran dan borang tinjauan ICT yang dijalankan pada akhir aktiviti ini, didapati 100% pelajar menyatakan bahawa mereka jelas tentang objektif pembelajaran dan telah mencapainya pada akhir pelajaran. 100% pelajar menyatakan bahawa tugas yang dikendalikan juga dikatakan menarik dan



melibatkan pelajar. 81.8% pelajar berpendapat bahawa program ini berguna kepada mereka sebagai pelajar. 100% pelajar pula berpendapat bahawa mereka digalakkan untuk mengaplikasikan pemikiran kritis dan kreatif semasa melaksanakan projek ini serta diberi peluang untuk melakukan kerja kolaboratif. 100% pelajar menyatakan bahawa mereka dapat belajar pengetahuan / kemahiran / idea baharu yang diajar dan dapat mengaplikasikannya semasa mengendalikan tugas ini.

100% pelajar juga berpandangan bahawa mereka menikmati penggunaan alat ICT oleh guru dan boleh memahami penerangan guru tentang konsep pembelajaran. Menurut pendapat 91% pelajar, mereka terdorong untuk belajar lebih lanjut mengenai topik ini selepas pelajaran dan persekitaran bilik darjah kondusif untuk pembelajaran. 100% pelajar juga menyatakan bahawa guru memantau sama ada mereka boleh mengikuti pelajaran atau tidak dan guru memberikan maklum balas yang mencukupi untuk projek mereka. Rata-rata 100% pelajar menyatakan bahawa jangka masa untuk proses pembelajaran ini adalah memadai.

Dari segi arah sendiri, 100% pelajar menyatakan bahawa mereka mampu merancang dan menguruskan masa untuk mengendalikan tugas ini dengan baik manakala 81.8% pelajar berpendapat bahawa mereka mencabar diri mereka dan menetapkan standard untuk mencapai matlamat tugas yang diberikan. 91.9% pelajar pula menyatakan bahawa mereka mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam konteks yang baharu. Dari aspek kolaboratif pula, 100% pelajar menyatakan bahawa mereka bekerjasama secara aktif untuk mempelajari perkara baharu. 81.8% pelajar berkongsi idea secara aktif dan bekerjasama secara aktif dalam membantu antara satu sama lain untuk memahami tugas yang diberikan dan dikendalikan.

Kekuatan Dari Segi Aplikasi Idea / Konsep / Teori

Sebagaimana yang dikemukakan dalam Hasil Pendidikan Yang Diingini (DOE), hasil utama yang dikehendaki ialah para pelajar kita boleh berfikir secara kritis dan menyampaikan idea dengan yakin dalam kedua-dua bentuk lisan dan tulisan. Kecekapan dalam Bahasa Ibunda dapat melengkapkan para pelajar kita dengan wahana untuk menyampaikan idea dengan jitu, lantas dapat membina keyakinan diri. Hal ini merupakan kecekapan abad ke -21 yang



penting dan kecekapan ini akan memberi warga kita kelebihan bersaing dalam dunia global. Tambahan pula, hal ini juga boleh terdapat dalam kemahiran abad ke-21 enGauge yang menenkankan Kemahiran Literasi Digital, Komunikasi yang Berkesan, Pemikiran Inventif dan Daya pengeluaran yang tinggi.

Pengaplikasikan penggabungjalinan ICT yang berfokus pada pelajar yang mempunyai arah sendiri dan kolaborasi dalam penghasilan sebuah projek multimedia begitu terserlah dalam kajian yang dilakukan oleh guru pengkaji ini. Aspek arah sendiri yang ingin dilihat dalam kalangan pelajar merupakan salah satu daripada DOE dan terdapat dalam pemikiran inventif juga. Para pelajar diharapkan mempunyai arah sendiri dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri, bertanya, melakukan refleksi dan tabah untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran. Terdapat juga kepelbagaian kemahiran yang ditekankan dalam kajian yang dijalankan ini. Tamsilnya, kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, berfikir, menyelidik, menyunting selain kemahiran ICT.

Berdasarkan ‘*See Think Wonder*’ dan ‘*Circle of Viewpoints*’ yang dipelopori oleh *Harvard’s Project Zero*, Ron Ritchhart dan David Perkins, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kedua-dua strategi dapat membantu pelajar mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka. Selain itu, kedua-dua strategi ini juga dapat membina keupayaan pelajar berfikir dan belajar serta meningkatkan pembelajaran pelajar melalui pemahaman kandungan yang lebih mendalam. Hal ini disebabkan pelajar lebih aktif dan lebih konfiden melibatkan diri kerana mereka mempunyai kesedaran yang lebih terhadap strategi pemikiran yang boleh digunakan. Di samping itu, strategi ini mampu menjadi alat dan struktur untuk mencorak pemikiran dan tingkah laku pelajar kerana digunakan berulang kali. Inisiatif untuk menggunakan strategi ini juga saling melengkapi penggunaan Penilaian Formatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru dapat menilai pemahaman pelajar dengan lebih tepat melalui interaktif rutin pemikiran yang berkualiti dan amalan dokumentasi. Cara ini meningkatkan penggunaan dan teknik menyoal serta menimbulkan perbualan pelajar yang berkualiti dan maklum balas untuk guru gunakan dalam memperbaiki pengajaran.

Penggunaan senarai semak yang diberikan kepada pelajar semasa melaksanakan projek ini berkaitan dengan penilaian untuk pembelajaran. Hal



ini penting kerana ia membantu pelajar agar sentiasa memperbaiki cara mereka mengendalikan projek ini. Sekaligus, pelajar menjalankan penilaian sendiri. Secara tidak langsung juga, pelajar diarah menjadi pelajar yang mempunyai arah sendiri dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri.

Keterbatasan Kajian / Konsep dan Daerah yang Perlu Diperkukuh

Masa merupakan hambatan terbesar kepada guru pengkaji dalam melaksanakan pengaplikasian jalinan teori pemikiran kreatif dan kritis memandangkan terdapat pelbagai aktiviti sekolah selain ujian bulanan yang harus dijalankan sewaktu kurikulum BM pada minggu 8-10 penggal pertama dan minggu pertama penggal kedua di sekolah.

Seperkara lagi, terdapat kurangnya data yang sah untuk menyokong pandangan yang diberikan oleh guru pengkaji. Kebanyakan data yang diberikan adalah berdasarkan soalan-soalan daripada borang maklum balas pembelajaran dan borang tinjauan. Metode yang digunakan juga lebih berbentuk kuantitatif kerana banyak sangat data peratusan yang diberikan meskipun ada kelihatan guru pengkaji seakan-akan menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Bagaimanapun, data kualitatif yang diberikan dalam kajian ini mungkin kurang mencukupi kerana kurangnya data yang sah bagi menyokong andaian mahupun pandangan yang dibuat oleh guru pengkaji meskipun guru pengkaji menemu bual para pelajar yang terlibat serta guru BM yang lain.

Tambahan pula, keterbatasan juga adalah mengenai dengan borang maklum balas pembelajaran dan borang tinjauan ICT yang dilaporkan pelajar sendiri. Hasil kajian telah dihadkan oleh penggunaan eksklusif data yang dilaporkan sendiri dan ini boleh membawa kepada kepincangan data dalam dapatan kajian. Selain itu, para pelajar yang terlibat tidak disuruh menulis nama mereka di borang-borang tersebut, lantas boleh menjejaskan persepsi. Walaupun para peserta telah dimaklumkan bahawa mereka harus memberikan data yang tepat dan jawapan yang agak panjang untuk soalan-soalan terbuka supaya analisis akan menjadi lebih mudah, tidak semua peserta memberikan data yang berjela-jela. Selain itu, para peserta mungkin tidak menjawab mana-mana soalan tertutup dengan benar. Oleh itu, ia boleh bertindak sebagai sumber potensi ralat dalam data.



KESIMPULAN

Pada dasarnya amalan penyerapan didik hiburan bukanlah perkara yang baharu dalam siri kurikulum kebangsaan kerana ia selaras dengan kemahiran abad ke-21 dan kemahiran ICT. Untuk tujuan penegasan, istilah didik hiburan digunakan secara jelas sebagai komitmen yang bersungguh-sungguh oleh pihak pendidik untuk menunjukkan keyakinan dan kesungguhan guru pengkaji dalam mencari kepelbagaian dan variasi dalam kaedah pengajaran bahasa dan budaya Melayu.

Sehubungan dengan ICT, memang tidak dapat dinafikan bahawa para pelajar kini semakin bijak komputer dan cenderung menggunakan ICT untuk mempelajari BM. Justeru, guru seharusnya mengambil kesempatan daripada kebiasaan dan kekerapan penggunaan ICT dalam kalangan pelajar untuk kepentingan pembelajaran BM. Penggunaan komputer dan sumber Internet membolehkan lebih banyak interaksi antara pelajar dengan guru. Di samping itu, penggunaan teknologi baharu yang lebih meluas menggalakkan pembelajaran berarah sendiri dan melatih pelajar menjadi lebih berdikari sekaligus merupakan kemahiran yang diperlukan pada masa hadapan.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan ICT dapat menyokong untuk membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan memberangsangkan serta ICT juga dapat membantu dalam mereka bentuk tugas bahasa dan aktiviti yang menggalakkan komunikasi yang berkesan dan bermakna. Dapatan ini sememangnya bertepatan dengan apa yang terdapat dalam Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda. Maka itu, sebagai guru, kita perlu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran BM di bilik darjah serta mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu yang secara baik, menyeluruh dan tekal.

Kejayaan amalan inovatif dengan peningkatan pada tahap keyakinan melalui ICT di sekolah-sekolah amat berkaitan dengan infrastruktur, peralatan, budaya sekolah dan sokongan daripada pemimpin dan kakitangan sekolah. Dalam hal ini ia boleh disimpulkan bahawa penggunaan ICT dalam pengajaran boleh mewakili sebagai tuil perubahan kepada inovasi dan meningkatkan pembelajaran bahasa pelajar.



Nota:

Guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Mohamad Ghazali Ibrahim

RUJUKAN

2010 Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda, *Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap*, Kementerian Pendidikan Singapura

2011 Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura

Carrasco, M.R., & Torrecilla, F.J.M. (2012). Learning Environment with Technological Resources: A look at their Contribution to Student Performance in Latin American Elementary Schools. *Education Tech Research Dev.* 60, 1107-1128. doi10.1007/s11423-012-9262-5

David Perkins. (2004). Making Thinking Visible.

Lee, Y.T., Siew, K.L., Cher, P.L., & Hwee, L.K. Joyce (2012). Pedagogical Approaches for ICT Integration into Primary School English and Mathematics: A Singapore Case Study. *Australasian Journal of Educational Technology*, 28(4), 740-754.

NCREL:enGauge 21st Century Skills (2002). Digital Literacies for a Digital Age. <http://www/ncrel.org/engage/skills/skills.htm>

Ron Ritchhart & David Perkins. (2008). Making Thinking Visible: Teaching Students to Think. *Educational Leadership*, 65(5), 57-61

Sangraa, A., & Sanmamedb, M.G. (2010). The Role of Information and Communication Technologies in Improving Teaching and Learning Processes in Primary and Secondary Schools. *ALT-J, Research in Learning Technology*, 18(3), 207-220.

